

11/01/1997

Jakim berdakwah pada keluarga bermasalah

Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan pengurusan masjid akan melancarkan dakwah kepada ibu bapa dan remaja di seluruh negara yang dikenal pasti mengamalkan budaya negatif.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata dakwah itu turut memberikan tumpuan kepada ibu bapa terutama yang menghadapi masalah kerana keluarga seperti itu dianggap punca utama remaja bermasalah.

Ibu bapa terbabit akan dikumpul dan dihantar menjalani Kursus Kemantapan Keluarga yang dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah yang dikenal pasti bermasalah.

"Selain itu, masjid di kawasan berkenaan mengambil tindakan susulan serta bekerjasama dengan sekolah," katanya selepas merasmikan Pameran Puasa dan Hari Raya di Masjid Negara, hari ini.

Beliau mengulas kebimbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam terhadap sikap sesetengah remaja yang meniru budaya negatif dari Barat.

Jakim ialah nama baru Bahagian Hal-Ehwal Islam JPM selepas ia dinaikkan taraf jabatan mulai 1 Januari lalu.

Dr Abdul Hamid berkata, kemasukan budaya negatif di kalangan remaja Islam berpunca daripada perubahan cara hidup termasuk penghijrahan penduduk kampung ke kota serta kebebasan yang tiada had.

Mengenai Jakim, beliau berkata jabatan itu sudah berfungsi dan kerajaan akan menambah pegawai serta kakitangannya bagi melaksanakan beban tugas yang meningkat.

"Bahagian Dakwah di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) juga dipindahkan ke Jakim."

"Ia boleh membantu kita menggunakan multimedia untuk membimbing masyarakat," katanya.

Mengenai penyelarasan kursus praperkahwinan, Dr Abdul Hamid berkata ia sudah berkuatkuasa dan sijil yang dikeluarkan di sesuatu negeri kini diiktiraf di negeri lain.

(END)